

## Pengutipan Rotan di Kalangan Orang Siwang (Chewong)

TAN SIEW BEE

### ABSTRAK

*Atrikel ini cuba menghuraikan kepentingan kegiatan menghasilkan rotan yang merupakan aktiviti ekonomi komersil yang dilakukan oleh kumpulan Orang Siwang (Chewong) yang tinggal di kawasan perhilitan Lembah Krau, Pahang. Kegiatan mengeluarkan rotan untuk pasaran telah dilakukan oleh kumpulan ini semenjak zaman Penjajahan British lagi. Oleh sebab rotan telah mendapat pasaran yang lebih luas di peringkat antarabangsa kini, maka kegiatan menghasilkannya menjadi lebih giat dan berleluasa. Bagi Orang Siwang, kaum lelaki dan wanita turut terlibat mengusahakannya kerana rotan merupakan sumber utama yang mendatangkan wang kepada mereka. Untuk memasarkan rotan mereka terpaksa bergantung kepada orang tengah yang sentiasa mencari peluang menindas untuk meraih keuntungan yang lebih. Wang hasil jualan rotan ini digunakan untuk membeli barang-barang keperluan harian dan barang-barang mewah. Selain menjadi punca kewangan kegiatan menghasilkan rotan ini juga telah membuka peluang kepada kumpulan ini untuk berinteraksi dengan dunia luar.*

### ABSTRACT

*This article explains the importance of rattan collecting, which is a commercial economic activity engaged by the Orang Siwang (Chewong) of Lembah Krau, Pahang. Rattan collecting had been conducted by the group since the colonial times. The increase in international demand for rattan had led to an increase in activity. Both the male and female members of the group are engaged in rattan collecting which forms the main source of income. To market the rattan they have to depend on the middlemen who would always try to exploit them so as to gain more profit. The income from the sale is used to buy both the essential and luxury goods. Rattan collecting also provide opportunities for Orang Siwang to interact with the outside world.*

## ORANG SIWANG (CHEWONG)

Orang Siwang merupakan sekumpulan kecil Orang Asli yang tinggal di pedalaman hutan tropika di Semenanjung Malaysia. Mereka bertutur dalam Bahasa Austro-Asiatik yang mempunyai persamaan dengan bahasa yang ditutur oleh kelompok-kelompok Senoi dan Negrito yang lain. Namun demikian bahasa orang Siwang adalah asing kepada kumpulan Orang Asli yang lain di Semenanjung Malaysia (Howell 1981, 1982, 1984). Kini Orang Siwang juga bertutur dalam bahasa Melayu dan menggunakan bahasa ini sebagai bahasa pengantar semasa berkomunikasi dengan orang luar. Orang Siwang dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu kumpulan yang tinggal di dalam kawasan Simpanan Hidupan Liar Krau, Pahang Tengah yang dikenali sebagai *Orang Siwang (Chewong) Timur*. Kumpulan kedua ialah yang tinggal di kawasan Ulu Dong (di antara Raub dan Kuala Lipis) dikenali sebagai *Orang Chewong Barat* (Howell 1984: 9-10).

Kini Orang Siwang menetap di dalam kawasan Simpanan Hidupan Liar Krau. Mereka berselerak di enam buah perkampungan di kawasan seluas 121.5 hektar dengan jumlah penduduk seramai 171 orang sahaja. Aktiviti ekonomi Orang Siwang pada dasarnya adalah memburu dan mengumpul. Dalam kata lain, ekonomi mereka boleh dibahagikan kepada dua: ekonomi sara diri iaitu memburu, pertanian *swidden*, serta mengumpul buah-buahan, sementara ekonomi pasaran ialah mencari rotan, kayu gaharu, dan beberapa jenis hasil hutan yang dapat ditukarkan dengan wang tunai daripada masyarakat luar. Artikel ini akan melihat bagaimana rotan membolehkan Orang Siwang terlibat dengan dunia luar dan sekaligus membawa perubahan kepada di Pos Kuala Gandah masyarakat itu serta kesan terhadapnya.

## PENGUTIPAN ROTAN (*SE?*) SEBELUM 1980-AN

Sejak zaman penjajahan British lagi aktiviti mengutip rotan merupakan satu-satunya sumber ekonomi pasaran yang wujud dan hanya rotan belah yang dikutip dan diperdagangkan. Pada masa itu mereka menjual rotan kepada orang tengah di Kuala Krau. Hasil penjualan mereka digunakan untuk membeli barang keperluan harian seperti garam, tembakau, kopi dan gula. Sejak itu, aktiviti mengutip rotan melibatkan semua lapisan masyarakat. Masyarakat ini terus bergiat dalam aktiviti mengutip rotan belah sehingga tahun 1970-an. Keadaan berubah pada hujung tahun 1977, apabila rotan manau, yang merupakan sejenis rotan yang mendapat sambutan baik dari pasaran luar, mulai dikutip oleh Orang Siwang. Sejak dari masa itu aktiviti mengutip rotan manau

menjadi sumber pendapatan utama masyarakat ini (Howell 1983). Rotan manau merupakan jenis rotan yang paling mahal dan juga mendapat permintaan yang tinggi dari industri perabot di Malaysia pada masa itu.

Sejak penghujung tahun 1977 itu, Orang Siwang lebih giat lagi terlibat dalam ekonomi pasaran dan juga lebih kerap berkomunikasi dengan dunia luar amnya dan masyarakat Lanchang khususnya. Orang Siwang menjual hasil rotan mereka di stesen perdagangan (*trading station*) yang berhampiran dengan perkampungan mereka. Orang tengah Cina (*towkay*) yang kebanyakannya dari Lanchang berkumpul di stesen perdagangan pada waktu yang dijanjikan untuk membeli dan mengangkut rotan. Setelah mendapat wang, Orang Siwang menumpang lori atau kenderaan orang tengah itu untuk keluar ke Lanchang dengan tujuan membeli belah. Lazimnya mereka membelanjakan wang untuk membeli barang keperluan harian seperti garam, gula, sarung, biskut, tembakau, parang, kapak, periuk, atau radio yang dianggap sebagai barangan mahal (Howell 1983).

#### PENGUTIPAN ROTAN PADA 1980-AN

Pada tahun-tahun 1980-an, aktiviti mengutip rotan masih merupakan aktiviti ekonomi pasaran utama di kalangan Orang Siwang, malahan mereka semakin bergantung kepada rotan untuk kehidupan mereka. Ini disebabkan kehidupan Orang Siwang semakin dipengaruhi oleh masyarakat luar dan permintaan keperluan barangan di kalangan mereka juga semakin meningkat serta menjadi lebih canggih. Hal ini mengakibatkan Orang Siwang lebih cenderung mencari sumber pendapatan yang lebih lumayan untuk menampung keperluan yang kian meningkat itu dan rotanlah merupakan komoditi utama dalam kehidupan Orang Siwang yang boleh merupakan sumber kewangan kepada mereka. Walau bagaimanapun, aktiviti tersebut telah mengalami beberapa perubahan.

Jenis rotan yang dikutip amat bergantung kepada permintaan pasaran dan harga rotan melambung dan menurun mengikut keadaan pasaran. Akibatnya, jenis-jenis rotan yang dikutip menjadi berbagai-bagai. Jadual 1 menyenaraikan jenis-jenis rotan yang dikutip pada tahun-tahun 1980-an.

Di antara berbagai-bagai jenis rotan tersebut, rotan manau dan mantang merupakan rotan yang paling kerap dikutip oleh Orang Siwang kerana mendapat sambutan baik daripada pasaran luar serta harganya yang tinggi. Selain itu rotan belah juga tidak kurang pentingnya dalam masyarakat tersebut khususnya di kalangan pencari rotan wanita dan juga di pasaran luar.

JADUAL 1. Jenis-jenis rotan yang dikutip pada tahun 1988

Jenis-jenis rotan	Harga*
<i>Jenis-Jenis Rotan Belah</i>	
1. Rotan Seni	RM10.00 @ 1 gulung (100 helai)
2. Rotan Tahu	RM12.00 @ 1 gulung (100 helai)
3. Rotan Batu	RM12.00 @ 1 gulung (100 helai)
4. Rotan Segi	RM23.00 @ 1 gulung (100 helai)
5. Rotan Tantiaw	RM1.80 @ 1 gulung (100 helai)
6. Rotan Udang	RM1.80 @ 1 gulung (100 helai)
7. Rotan Setong	RM33.00 @ 1 gulung (100 helai)
8. Rotan Tanah	RM24.00 @ 1 gulung (100 helai)
9. Rotan Getah	RM15.00 @ 1 gulung (100 helai)
<i>Rotan Batang</i>	
1. Rotan Rubin	RM2.00 @ 1 batang
2. Rotan Duduk	RM1.00 @ 1 batang
3. Rotan Manau	Gred A RM2.20 @ 1 batang Gred B RM1.30 @ 1 batang Gred C RM0.60 @ 1 batang
4. Rotan Mantang	Gred A RM0.80 @ 1 batang Gred B RM0.40 @ 1 batang
5. Rotan Semambu	RM0.40 @ 1 batang
6. Rotan Kerai	RM0.20 @ 1 batang

*Nota:* \*Harga pasaran pada bulan April 1988 yang diperolehi daripada orang tengah di Lancang dan orang siwang.

Disebabkan rotan yang berhampiran dengan kawasan petempatan mereka hampir pupus, aktiviti mengutip rotan dijalankan jauh di pedalaman hutan. Sesuatu ekspedisi pengutipan rotan melibatkan beberapa orang atau keluarga dan tempoh masa yang diambil juga agak lama, iaitu kira-kira satu hingga dua bulan. Musim pengutipan rotan biasanya dijalankan pada masa cuaca baik kerana adalah sukar untuk mengutip rotan-rotan pada musim hujan khasnya rotan manau. Walau bagaimanapun, terdapat segolongan kecil Orang Siwang masih menjalankan aktiviti ini pada musim hujan khasnya golongan lelaki.

## PENDAPATAN DAN PENJUALAN ROTAN

Lazimnya pendapatan yang diperolehi daripada rotan bergantung kepada jumlah pengutipan seseorang individu. Dalam setiap ekspedisi, seseorang individu mendapat kira-kira RM80 hingga RM150. Walaupun demikian jumlah tersebut juga bergantung kepada keupayaan seseorang individu. Golongan pemuda biasanya memperolehi pendapatan yang paling lumayan, manakala golongan wanita dan orang tua pula jarang sekali memperolehi RM100 dalam satu ekspedisi.

Pengutipan rotan merupakan sumber rezeki utama Orang Siwang dan melibatkan semua golongan masyarakat. Mereka menganggap aktiviti mengutip rotan sebagai satu pekerjaan yang tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan harian mereka di samping aktiviti lain seperti mengumpul dan memburu.

Jadual 2 menunjukkan pendapatan Orang Siwang melalui pengutipan rotan dan penjualan rotan dalam satu bulan (Mac 1988). Secara tidak langsung Jadual 2 tersebut memperlihatkan bahawa Orang Siwang menumpukan banyak daripada masa mereka menjalankan aktiviti yang berkaitan dengan rotan itu. Rotan juga dianggap penting dalam kehidupan mereka kerana ia merupakan sumber rezeki utama.

Dalam aktiviti penjualan rotan, Orang Siwang menjualnya secara kolektif iaitu mereka (beberapa orang dalam ekspedisi yang sama) memberitahu orang tengah di Lanchang untuk datang mengangkut hasil mereka. Rotan yang berada di dalam hutan akan dipikul keluar ke tepi jalan dalam beberapa peringkat sebelum tarikh kedatangan kenderaan orang tengah. Lori orang tengah mengangkut rotan dari tepi jalan di mana mereka meletakkan rotan. Orang Siwang kemudiannya beramai-ramai menumpang kenderaan orang tengah ke Lanchang untuk mengutip wang dan membeli belah. Sebahagian daripada sumber

JADUAL 2. Pendapatan dan penjualan hasil rotan di kalangan orang siwang pada bulan Mac 1988

Nama	Pendapatan	Kekerapan <sup>4</sup>
Yumen	RM100.70	1 kali
Mah	RM 98.50	1 kali
Bak	RM267.90	2 kali
Patong	RM144.40	2 kali
Chui	RM 89.60	2 kali
Pelantar	RM167.20	3 kali
Na	RM 96.00	2 kali
Senut	RM235.00	2 kali

pendapatan mereka digunakan untuk membayar hutang kepada orang tengah dan pekedai runcit. Sebahagian lagi digunakan untuk membeli barang-barang keperluan harian dan barang-barang yang dianggap mewah.

### MASALAH PENJUALAN ROTAN

Satu masalah yang begitu serius wujud sehingga hari ini dalam aktiviti penjualan rotan ialah masalah eksploitasi yang berlaku. Orang tengah mengeksploitasi Orang Siwang sejak dahulu lagi dan setakat ini masalah eksploitasi masih belum diatasi lagi. Orang tengah bukan sahaja menawarkan harga yang lebih rendah malahan cuba mengelirukan Orang Siwang dari segi pengiraan rotan. Lazimnya orang tengah menghitung kurang hasil rotan dan wang bayaran juga dikira kurang. Kini, kebanyakan Orang Siwang telah mula menyedari tentang masalah ini, tetapi mereka masih tidak mengambil sebarang tindakan terhadap orang tengah berkenaan. Sebaliknya, Orang Siwang terus menjual komoditi ini kepada orang tengah yang sama. Ini mungkin disebabkan sifat mereka yang '*non-violent*' dan juga mereka tidak mempunyai alternatif yang lain selain daripada menjual hasil rotan itu kepada orang tengah berkenaan. Dalam perkataan lain, Orang Siwang terlalu bergantung kepada orang tengah untuk kehidupan (*survival*) mereka. Dengan yang demikian perhubungan ekonomi yang berat sebelah dan kurang adil masih berterusan. Di sini dapat saya simpulkan bahawa selagi Orang Siwang bergantung kepada orang tengah berkenaan untuk nafkah hidup mereka maka unsur eksploitasi ini akan kekal wujud.

### PEMBAHAGIAN KERJA

Dari segi pembahagian kerja pula, biasanya aktiviti mengutip rotan boleh dijalankan oleh semua anggota kumpulan kecuali aktiviti mengutip rotan manau dan mantang yang selama ini hanya dimonopoli oleh golongan lelaki. Ini kerana mengutip rotan manau dan mantang jauh berbeza daripada mengutip rotan lain. Ia memerlukan tenaga fizikal yang lebih kerana rotan manau dan mantang lebih berat dan lebih besar (berukuran kira-kira sembilan kaki persegi setiap batang setelah dipotong-potong, secara purata setiap individu boleh/mampu memikul kira-kira 15 hingga 20 batang setiap kali) untuk dipikul dan melibatkan perjalanan yang jauh di dalam hutan. Selain itu, mereka juga terpaksa memanjat tinggi untuk memotong rotan tersebut. Oleh yang demikian, aktiviti pengutipan rotan manau dan mantang sememangnya tidak sesuai

untuk golongan wanita. Golongan wanita dan kanak-kanak (kira-kira 10 hingga 12 tahun) mengutip rotan belah yang tidak memerlukan tenaga fizikal yang banyak dan juga lebih mudah serta senang didapati di dalam hutan. Selain itu kadangkala golongan wanita membantu suami membelah rotan yang telah dikutip dari hutan. Biasanya mereka membelah rotan sambil menjaga anak kecil di rumah. Dalam keadaan yang demikian setelah rotan tersebut dijual golongan itu dapat berkongsi sebahagian daripada wangnya. Harus ditekankan bahawa oleh kerana aktiviti mengutip rotan manau melibatkan proses memotong, memikul dan menjual, maka golongan wanita tidak melibatkan diri dalam aktiviti tersebut dan kerana itu mereka tidak berkongsi pendapatan yang diperolehi daripada aktiviti ekonomi tersebut.

### POLA PERBELANJAAN

Lazimnya terdapat beberapa pola perbelanjaan dalam kumpulan Orang Siwang. Golongan lelaki yang berumahtangga, lebih mementingkan dan bertanggungjawab terhadap keluarga mereka terutamanya menjaga dan menanggung kehidupan anak dan isteri di rumah. Oleh yang demikian sebahagian besar daripada pendapatan mereka digunakan untuk membeli barangan keperluan harian untuk seluruh keluarga, seperti beras, garam, kopi, biskut, makanan untuk anak, dan pakaian untuk ahli keluarga. Pola perbelanjaan golongan bujang pula amat berbeza daripada golongan tadi. Sebahagian besar daripada pendapatan mereka dibelanjakan untuk diri sendiri. Justeru itu kadangkala mereka juga membeli barangan keperluan harian seperti beras, gula, biskut, dan lain-lain untuk membantu keluarga. Dalam perkataan lain tanggungjawab mereka terhadap keluarga adalah kurang dan mereka hanya memainkan peranan sebagai 'membantu meringankan tanggungan ketua keluarga (bapa/abang)'. Barangan yang sering mereka beli ialah seperti radio, motosikal, majalah, kaset, pakaian, dan jam tangan. Sementara itu golongan wanita tidak memberikan sumbangan yang penting dari segi menanggung kehidupan keluarga. Mereka hanya membantu membeli sedikit makanan untuk keluarga dan kebanyakan daripada pendapatan mereka digunakan untuk diri sendiri seperti membeli makanan, barang-barang perhiasan dan alat-alat solek, dan sebagainya. Di sini jelas sekali bahawa setiap individu mempunyai hak sepenuhnya untuk membelanjakan pendapatan diri sendiri. Ketua rumah (suami/anak lelaki jika bapa meninggal dunia) bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keluarga dan sebahagian besar daripada pendapatan mereka dibelanjakan untuk keluarga. Oleh itu jarang sekali golongan tersebut memikir untuk membeli sesuatu untuk diri sendiri kerana kesuntukan wang.

## KESIMPULAN

Rotan merupakan punca pendapatan utama Orang Siwang sejak zaman penjajahan British lagi. Ia juga merupakan aktiviti ekonomi yang paling utama menjalinkan Orang Siwang dengan ekonomi pasaran serta membabitkan golongan Orang Siwang dengan dunia luar pada umumnya. Jelas sekali bahawa kehidupan harian Orang Siwang tidak dapat dipisahkan daripada rotan, malahan mereka amat bergantung kepada rotan untuk kehidupan. Oleh itu, adalah penting untuk kita merenung bersama-sama tentang masalah dan akibat yang akan dihadapi oleh orang Siwang jika rotan tidak lagi merupakan sumber rezeki mereka pada masa hadapan kelak.

## RUJUKAN

- Endicott, K. 1984. The Economy of The Batek of Malaysia: Annual and Historical Perspectives. *Research in Economic Anthropology* 6: 29-52.
- Howell, S. 1981. The Chewong Revisited. *Journal of Malaysian Branch of Royal Asiatic Society* IIV(3): 57-69.
- \_\_\_\_\_. 1982. *Chewong Myths and Legends*. MBRAS: Kuala Lumpur.
- \_\_\_\_\_. 1983. Chewong Women in Transition. *Women and Development in South East Asia*, hal. 46-79. University of Kent: Caterbury.
- \_\_\_\_\_. 1984. *Society and Cosmos: Chewong of Peninsula Malaysia*. Oxford University press: London.
- Needham, R. 1956. Ethnographic Notes on the Siwang of Central Malaya. *Journal of Malayan Branch of Royal Asiatic Society* XXIX: 49-69.
- \_\_\_\_\_, 1984. Chewong (Siwong) in Perspective. *Journal of Malayan Branch of Royal Asiatic Society*. LVII(2): 105-112.
- Ogilvie, C.S. 1940. The Che Wong A Little Known Primitive People. *Malayan Nature Journal* 3: 15-27.
- \_\_\_\_\_. 1948. More of the Che Wong. *Malayan Nature Journal*. 3: 15-29.
- \_\_\_\_\_. 1949. Che Wong Word List and Notes. *Bulletin of Raffles Museum*. Series B, No. 4: 11-39.